# LAMPIRAN-LAMPIRAN

## LAMPIRAN A

### Hikayat Nur Muhammad

**Inilah Hikayat Nur Muhammad dan Nabi Bercukur dan Nabi Wafat Adanya, *t. pgr., al-Ma'arif Press, t.t., h. 2-9)***

Inilah hikayat peri menyatakan Nur Muhammad Rasullullah S.A.W.

Bermula maka tatkala itu semata-mata alampun belum jadi, arasy dan kursipun belum jadi, langit dan bumipun belum jadi, darat dan lautpun belum jadi, tersebut luhpun belum tersurat dan seperti Nabi S.A.W. kepada Nabi Adam a.s. yakni Adam antara tanah dan seperti sabda Nabi S.A.W.

**أول ما خلق الله تعالى النور**

Ertinya pertama-tama dijadikan Allah Taala itu cahayaku ini. Maka iapun sujud dengan firman Allah menyuruh sujud. Demikianlah finnan Allah : sujudlah engkau 50 tahun lamanya- Telah sudah ia sujud, maka firman Allah : Hai kekasihku Nur Muhammad. Maka bangkitlah ia Nur Muhammad itu dengan firman Allah Ta'ala : Hai Nur Muhammad, telah Kufardhukan akan segala umat kamu pertama-tama mengucap kalimah syahadah, kedua sembahyang 5 waktu pada sehari semalam, ketiga puasa pada bulan Ramadhan. keempat memberi zakat, kelima naik haji ke Baitillahilharam. Kemudian daripada itu maka cahayaku itu dijadikan Allah Ta'ala itu seekor burung yang sangat mulia dan indah rupanya. Sebermula dipunya akan kepala burung itu Ali bin Abi Talib, dan kedua mata burung itu Hassan dan Hussin, di lehernya burung itu Fatimah al-Zahra, dan kedua lengannya burung itu Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan Umar ibn. al-Khatab, dan ekornya burung itu Hamzah ibn. Abdul Mutallib, dan belakangnya burung itu Abbas r.a. dan kaki burung itu Khadijah al-Kubra. Maka firman Allah Ta'ala kepada cahayaku : Hai Nur Muhammad, Aku anugerahi bagimu tujuh petala laut. Pertama-tama laut ilmu, kedua laut *lathif,* ketiga laut sabar, keempat laut akal, kelima laut fikir, keenam laut rahmat, ketujuh laut cahaya.

Maka firman Allah Ta'ala kepada Nur Muhammad itu : Hai Nur Muhammad pergilah engkau kepada laut dan berenanglah engkau pada satu laut itu sepuluh ribu tahun lamanya. Telah sudah Nur Muhammad itu mendengar firman Allah Ta'ala demikian bunyinya itu, maka Nur

Muhammad pun berenanglah sepuluh ribu tahun lamanya. Maka ia keluar daripada laut ilmu itu maka ia berenang pula kepada laul *lathif* sepuluh ribu tahun lamanya. Maka ia keluar pula daripada laut lathif itu maka ia berenang pula pada laut sabar sepuluh ribu tahun lamanya maka ia keluar daripada laut sabar itu maka ia berenang pada laut fikir sepuluh ribu tahun lamanya. Maka keluar ia daripada laut fikir itu maka berenang pula pada laut akal sepuluh ribu tahun lamanya maka ia keluar daripada laut akal berenang pula pada laut rahmat sepuluh ribu tahun lamanya. Maka ia keluar daripada laut rahmat itu maka berenang pula ia kepada laut cahaya sepuluh ribu tahun lamanya. Maka adalah jumlahnya Nur Muhammad itu berenang pada tujuh laut itu menjadi tujuh puluh ribu tahun lamanya bilangannya Nur Muhammad itu berenang kepada tujuh laut. Maka datanglah firman Allah Ta'ala kepada Nur Muhammad itu kataNya : Hai Nur Muhammad, keluarlah engkau daripada tujuh petala laut itu, maka firman Allah Ta'ala kepada Nur Muhammad : engkau gerakkanlah dirimu itu dengan firman-Ku. Maka dengan firman Allah Ta'ala maka jadilah sekati dua laksa empat ribu nabi. Maka antara itu bertitiklah air tiga titik daripada Nur Muhammad itu maka itulah jadi tiga belas nabi yang *mursal* keturunan wahyu daripada Jibril a.s. Bertitik pula air daripada Nur Muhammad itu yang kanan maka itulah menjadi malaikat Jibril a.s. Maka titik pula airmata yang kiri daripada Nur Muhammad itu maka menjadi pula Israfil a.s. Maka daripada dua titik itu pula menjadi pula Izrail dan Mikail a.s. Maka adalah titik yang ketiga daripada telinga Nur Muhammad yang kanan inilah menjadi Luh al-Mahfuz dan yang keempat titik itulah menjadi qalam maka bertitiklah ia daripada telinga Nur Muhammad itu yang kiri. Maka iaitulah yang menjadi kursi maka bertitiklah pula tujuh titik air daripada hidung Nur Muhammad itu maka iaitulah menjadi tujuh pangkat syurga. Maka bertitiklah pula daripada bahu Nur Muhammad itu setitik maka iaitulah menjadi matahari dan yang dua titik itu menjadi bulan.

Maka bertitiklah pula lima titik daripada tangan Nur Muhammad itu yang kanan iaitu menjadi angin dan air dan yang keempat titik itu menjadi angin *sughra* dan yang kelima titik itu menjadi *Syajaratul Muntaha* dan yang ketiga titik itu menjadi pohon kayu *thuba* dan yang titik itu menjadi khatim (cincin) Nabi Allah Sulaiman dan yang setitik itu pula menjadi tongkat Nabi Musa a.s. daripada Nabi Adam a.s. kepada Nabi Shith dan daripada Nabi Ayub kepada Nabi Musa. Maka Allah Subhanahu wa Ta'ala menjadikan empat anasir pohon bangsanya itu. Pertama-tama air, kedua tanah, ketiga angin dan keempat api. Maka firman Allah Ta'ala kepada Nur Muhammad : Hai Nur

Muhammad pergilah engkau kepada angin itu, Aku jadikan zahir kelihatan. Maka Nur Muhammad pun pergilah kepada angin maka angin itu terlalu membesarkan dirinya, maka kata Nur Muhammad: *Assalamualaikum* hai angin. Maka disahut oleh angin : *Wa'alaikumussalam* hai Nur Muhammad yang amat bercahaya, siapalah engkau ? Maka sahut Nur Muhammad : aku seorang hamba Allah dan engkaupun seorang hamba Allah Maka kata Nur Muhammad: Hai angin, mengapa engkau sangat membesarkan dirimu? Maka sahut barang sekehendak aku. Maka kata Nur Muhammad kepada angin itu : sungguhpun engkau tiada kelihatan orang, tetapi lihatlah olehmu akan dirimu, adakah bercela atau tiada. Maka kata angin : apalah celaku ? Maka kata Nur Muhammad : Hai angin, engkau inilah hamba orang belayaran. Maka kata angin : Hai Nur Muhammad yang bercahaya, engkau itulah gerangan yang tiada bercela. Maka kata Nur Muhammad : Astaghfirullahal'azim, hamba inipun sahaja bercela. Adapun Subhanahu wa Ta'ala Azza wa Jalla yang tiada bercela . *Asyhadu alla ilaha illa Llah wahdahu la syarikalah. wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhu wa rasuluh.* Maka kata angin : Hai Nur Muhammad yang amat bercahaya, *liLlah,* percayalah aku akan dikau dan masuklah aku kepada agama Islam dan ajarlah aku kalimah syahadah. Maka ajarlah oleh Nur Muhammad akan syahadah itu demikian bunyinya : *Asyhadu alla ilaha illa Llah, wa asyhadu anna muhammadarrasulu Llah.* Maka ucaplah oleh angin yang demikian itu.

Maka Nur Muhammadpun pergilah kepada api. Maka dilihat oleh api kepada Nur Muhammad itu , maka ia memohonkan dirinya sekalian alam dan gembiranya dan terlalu sangat membesarkan dirinya itu. Maka kata Nur Muhammad itu : *Assalamualaikum,* hai api. Maka disahutlah api salamnya itu : *Waalaikumussalam* ya Nur Muhammad yang amat bercahaya-cahaya, siapa engkau ini ? Maka sahut Nur Muhammad : aku ini hamba Allah dan engkaupun seorang hamba Allah jua yang amat hina. Maka kata Nur Muhammad : api, mengapa engkau gembira membesarkan dirimu terlalu sangat. Maka kata api : barang kehendakku aku berlakukan. Maka kata Nur Muhammad : hai api yang hamba ini tiada boleh berlaku kehendak ini. Lihatlah dirimu itu, tiadakah bercela ? Maka kata api : Hai Nur Muhammad yang amat bercahaya-cahaya, apakah celaku ini ? Maka kata Nur Muhammad : Hai api, yang membunuh engkau itu air dan yang menjadikan engkau itu angin dan engkau itu menjadi hamba orang banyak iaitu memasakkan segala makanan orang. Maka kata api: Hai Nur Muhammad yang amat bercahaya-cahaya, engkaulah

gerangan yang tiada bercela. Maka kata Nur Muhammad itu : *AstaghfiruLlahal 'azim,* yang hamba ini sahaja dengan celanya. Adapun yang tiada bercela itu melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala jua yang tiada bercela itu. *Asyhadu alla ilaha illa Llah wahdahu la syarikalah, wva asyhadu anna Muhammadan 'abduhu wa rasuluh.* Maka kata api : Hai Nur Muhammad, telah percayalah aku akan dikau dan masuklah aku akan agama Islam itu kepada kamu dan ajarkanlah aku akan kalimah syahadah itu kepada aku. Maka kata Nur Muhammad itu : ucaplah olehmu *Lailaha illa Llah. Muhammadur rasuluLlah.* Maka mengucaplah api demikian itu.

Setelah itu maka Nur Muhammadpun pergilah kepada air, maka dilihat oleh Nur Muhammad air itu terlalu amat gembiranya dan sangat membesarkan dirinya. Maka Nur Muhammadpun pergilah kepada air serta katanya : *Assalamualaikum* hai air. Maka disahut oleh air itu : *Waalaikumussalam,* hai Nur Muhammad . Maka kata Nur Muhammad : Hai air, engkau itu seorang hamba Allah dan akupun seorang hamba Allah yang hina. Mengapa engkau sangat membesarkan dirimu itu. Maka sahut air itu : Barang kehendak aku peroleh. Maka sahut Nur Muhammad : Hai air yang hamba ini tiadalah boleh dengan sekehendak hati hamba. Maka kata Nur Muhammad : engkau itulah hamba segala najis engkau yang menyucikan. Maka sahut air itu : Engkau gerangan yang tiada bercela. Maka kata Nur Muhammad itu : *AstaghfiruLlahal'azim,* yang hamba ini sahaja bercelanya. Maka adapun yang tiada bercela itu hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala jua, *Asyhadualla ilaha illa Llah wahdahu la syarikalah. waasyhadu anna Muhammadan 'abduhu wa rasuluh.* Maka kata air: telah percayalah aku akan dikau dan masuklah aku akan agamamu Islam dan ajarkanlah aku kalimah syahadah. Maka kata Nur Muhammad: Hai air, ucapkanlah olehmu kalimah *Lailaha illa Llah Muhammadur rasuluLlah.*

Maka mengucaplah air yang demikian itu. Maka Nur Muhammad pergilah kepada tanah. Maka memberi salam: *Assalamualaikum* hai tanah. Maka sahut oleh tanah: *Waalaikumussalam* ya Nur Muhammad. Maka dilihat oleh Nur Muhammad itu tanah sangat merendahkan diri dengan malunya dan sopannya dan hormatnya serta takutnya akan Allah Ta'ala serta dengan malunya akan Nur Muhammad itu. Maka kata tanah: Ya Nur Muhammad yang amat bercahaya, terlalu baik sekali tuan hamba datang ini daripada firman Allah Ta'ala kepada hamba ini. Maka dilihat oleh Nur Muhammad tanah ini sangat merendahkan diri serta dengan malunya dan sopannya melihatkan Nur Muhammad, lalu dipeluk dan dicium oleh Nur Muhammad itu akan tanah itu maka sembah Nur

Muhammad: Ya Ilahi, ya Rabbi, ya Sayyidi, ya Maulana, ya Tuhanku, Engkaulah jua yang terlebih mengetahui dan yang mendengarkan. Penuhlah hambamu dan empat anasir. Maka segala manusia di dalam dunia ini daripada tabiat setengah daripada tabiat api itu hangat dan setengah manusia itu angin iaitu keras dan setengah daripada tabiat air sejuk dan setengah daripada tabiat bumi itu iaitu basah kering tetapi murah dan merendahkan dirinya.

Di dalam kitab, pertama-tama nur ini anasir itulah dijadikan Allah Ta'ala Nabi Allah Adam dan barang siapa ada menaruh cetera peri nur Muhammad tatkala peri kemuliaan Nur Muhammad Rasulullah S.A.W. bercahaya-cahaya itu atau mendengarkan dia, maka Allah Taala memberi anugerah di dalam kitab pertama-tama Taurat dan kedua Injil dan ketiga Zabur keempat *Furqan al-'Azim* iaitu kepada Rasulullah S.A.W. dianugerahkan Allah Subhanahu wa Ta'ala akan dia pahalaNya Subhanahu wa Ta'ala pertama-tama Jibril a.s. kedua Mikail a.s dan ketiga Israfil a.s. akan memeliharakan dia dianugerahkan Allah Ta'ala pahalaNya seperti pahala orang naik haji. Dianugerahkan Allah Ta'ala akan segala yang membaca dia itu atau orang yang mendengarkan dia cetera ini daripada permulaan datang kepada kesudahan cetera Nur Muhammad itu, maka disuratkan Allah Subhanahu wa Ta'ala pahalanya itu seperti orang yang mengelilingi kaabah Allah tujuh kali pahalanya.

Dan barangsiapa ada dia membaca akan ia pada tiap-tiap malam atau tiap-tiap hari maka pahalanya itu seperti orang yang mati syahid tujuh puluh perbendaharaan yang terbuka kepadanya dan dianugerahkan Allah Ta'ala akan dia. Dan hendaklah kiranya segala Islam menaruh peri kejadian bercahaya Nur Muhammad itu kerana telah diharuskan oleh Allah Subhanahu wa Taala dan hendaklah memberi panji (? ) daripada suatu rumah kepada suatu rumah supaya ia memuji-muji penghulu kita dan lagi supaya mengenal akan Tuhannya dan lagi mengerjakan suruhanNya akan membesarkan Tuhan kita . *Amin ya Rabbal 'alamin birahmatika ya arhamarrahimin.*

## KITAB DAQĀ’IQ AL-AKHBĀR

# دقائق الأخبار

في ذكر الجنة والنار

ترجمة دغن بهاس ملايو الجاوي أوله العالم

الفاضل والاستاذ الكامل الشيخ أحمد

ابن محمد يونس لڠکا نفعنا الله

تعالى بعلومه وأسكنه

بأعلى جنته

آمين

المعارف

ڤرچيتقکن المعارف سندرين برحد

**Percetakan Almuarif Sdn. Bhd.**
173-C, Jalan Sungai Pinang, Pulau Pinang.
Telefon No: 04-2814714 Fax No: 04-2812697

وَذَكِّرْ إِنْ نَفَعَتِ الذِّكْرَى

بسم الله الرحمن الرحيم

﴿ كلاى ﴾ كتاب اين دغن نام الله يغ امت موره لاكي امت مغسهاني اكن همباڽ ﴿ الحمد لله الذى هدانا لدينه الذى أكمله وارتضاه ﴾ برمول سكل فوج ايت بك الله يغ تله ممبري هداية اكن كيت بك اݢام يغ تله دسمفرناكنڽ دان تله رضا اي اكندى ﴿ والصلاة والسلام على نبيه سيدنا محمد الذى اجتباه من خلقه واصطفاه ﴾ دان برمول رحمة الله دان سلام اين أتس نبيڽ سيدنا محمد يغ تله دفليهڽ درفد مخلوقڽ دان تله دبرسيهن اكندى ﴿ وعلى آله وأصحابه ومن نصره وولاه ﴾ دان أتس كاوم كان دان سكل صحبتڽ دان مريك يغ منولڠ اكندى دان مريك يغ مبنتوا كندى ﴿ وبعد فيقول أفقر الورى أحمد بن محمد يونس لنقا ﴾ أدافون كمدين درفد ايت مك بركات يغ ترلبه فقير مانسى أحمد بن محمد يونس لڠکا ﴿ لما اطلعت على كتاب دقائق الاخبار • فى ذكر أهل الجنة والنار ﴾ تتكالا مليهت اكو أتس كتاب دقائق الاخبار فى ذكر أهل الجنة والنار ﴿ فاذا فيه خبر جسيم وفضل عظيم وكمال نخيم ﴾ مك تيب ٢ ددالمڽ براڤ خبر يغ جسيم دان براڤ فضل يغ عظيم دان براڤ كمال يغ نخيم ﴿ لجزى الله مؤلفه جزيل الانعام ﴾ مك كيراڽ ممبالس الله تعالى اكن مؤلفڽ اكن سباݢي نعمة يغ باڽق ﴿ وأسكنه بمنه وكرمه دار السلام ﴾ دان سبحانه وتعالى ديم اكندى دغن منهڽ دان مورهڽ اكن دار السلام ﴿ ولاجل ذلك اختاج خاطرى أن أترجمه بلسان الجاوى ﴾ دان دركارن دمكين ايت ترݢرق ٢ له هاتيكو بهوا كوترجمهكندى دغن بهاس جاوي ﴿ ليفهمه من لا يعرف العربى ﴾ سفاي فهم اكندى اورغ يغ تياد مڠتهوي اكن بهاس عرب ﴿ وأرجوا الله أن يكون خالصا لوجهه غير مشوب بغيره ﴾ دان اكو هارف اكن الله بهوادله اي خالص بك ذاتڽ الله سبحانه وتعالى تياد برچمفر دغن لاينڽ ﴿ وأن يكون نافعا عميا لاهله ولغيره ﴾ دان بهوادله اي ممبري منفعة يغ عموم بك أهليڽ دان لاينڽ ﴿ وما توفيقى الا بالله ﴾ دان تيادله دافت توفيق اكو مليئكن دغن الله ﴿ ولا حول ولا قوة الا بالله ﴾ دان تياد دايادان افيا مليئكن دغن الله

﴿ الباب الاول فى خلق روح الأعظم وهو نور سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم ﴾

برمول باب يغ فرتما فد مپتاكن كجدين روح الأعظم دان ياءيت نور سيدنا ونبينا محمد عليه الصلاة والسلام سفكوهن تله داتڠ فد حديث بهوسڽ الله تعالى منجديكن سات فوهن كايو بكين امفت چاوڠ مك منماكندى شجر المتقين كمدين منجديكن نور سيدنا محمد ددالم حجاب درفد متيارا يغ فونه سأفابورڠ مراه دان دهنتركندى أتس فوهن كايو ايت مك مڠوچف تسبيح أتسڽ سقدر توجه فوله ريب تاهن كمدين منجديكن سات چرمين حياء مك دهنتركن چرمين ايت دهدافنڽ مك تتكالا مليهت بورڠ مراه ايت ددالم چرمين ايت مليهتله اي اكن روفاڽ سأيلق ٢ روفادان سباكوس ٢ كلاكوان مك مالواي درفد

الله تعالى مك برفلوهله أي مك برتيتق درفدان أنم تيتق مك منجدي أوله الله تعالى درفد تيتق يغ فرتام سيدنا أبو بكر رضي الله
عنه دان درفد تيتق يغ كدوا سيدنا عمر رضي الله عنه دان درفد تيتق يغ كتيك سيدنا عثمان رضي الله عنه دان درفد تيتق
يغ كأمفت سيدنا علي رضي الله عنه دان درفد تيتق يغ كليم ماءاورد دان درفد تيتق يغ كأنم برس كدين سجودله دمكين
نور المحمدي ايت ليم كالي سجود مك جديله أتس كيت دمكين سجود ايت فرض ليم وقت مك دفرض الله تعالى اكن ليم
سمبهيغ أتس نبي محمد دان أتس اومتث كدين مليهت الله تعالى كفد نور ايت سات كالي يغ لاين فول مك برفلوه اي كارن
مالو درفد الله تعالى مك درفد فلوه هيدغ الله تعالى منجديكن سكل ملائكة دان درفد فلوه موكاث منجديكن عرش دان
كرسي دان لوح دان قلم دان متهاري دان بولن دان حجاب دان كواكب دان برهيغ أدا ددالم لاغت دان درفد فلوه دداث
منجديكن الانبياء والمرسلين والعلماء والشهداء والصالحين دان درفد فلوه بلاكغث منجديكن البيت المعمور والكعبة و بيت
المقدس وموضع المساجد يغ دالم دنيا اين دان درفد فلوه داو حاجبث منجديكن أمة محمد المؤمنين والمؤمنات والمسلمين والمسلمات
دان درفد فاره دوا تليڠاث منجديكن روح اليهود والنصارى والمجوس دان برهيغ ميرفاي دمكين ايت درفد الملحدين والجاحدين
والمنافقين دان درفد فلوه دوا كاكيث منجديكن بومي درفد مشرق كفد مغرب دان برهيغ دالمث كدين بركة الله تعالى بك
دمكين نور ايت ليهت أوله مهدفن كلموهي نور محمد مك مليهت أي مك مليهت دهدافنث نور دان بلاكغث نور دان دكانث نور
دان دكيريث نور مك برمول مريكئيتله أبو بكر وعمر وعثمان وعلي رضي الله عنهم كدين مغوچف تسبيح فول دمكين نور ايت
توجه فوله ريب تاهن كدين منجديكن الله تعالى نور الانبياء ايت درفد نور محمد ﷺ كدين مليهت الله تعالى كفد
دمكين نور ايت مك منجدي درفدان روح مريكئيت يعني روح الانبياء درفد فلوه روح نبي ﷺ دان منجديكن أرواح
سكل أمة الانبياء ايت درفد فلوه أرواح سكل نبي مريكئيت يعني أرواح تيف ٢ أمة درفد فلوه نبيث دان دجديكن أرواح
مؤمنين درفد أمة محمد درفد فلوه محمد عليه السلام مك بركات مريكئيت لا اله الا الله محمد رسول الله كدين منجدي أوله الله
تعالى اكن سات قنديل درفد عقيق يغ ميره دليهت ظاهرث درفد باطنث كدين منجديكن روفا محمد عليه السلام سفرة روفاث
يغ دالم دنيا اين كدين دهنتركنث ددالم قنديل ايت مك برديريله اي ددالمث سفرة برديرين بك سمبهيغ كدين بركليلغ
أرواح الانبياء دكليلغ نور محمد عليه السلام مك مغوچف تسبيح مريكئيت دان مغوچف تهليل مريكئيت سقدر سراتس ريب
تاهن كدين ميوره الله تعالى اكن تيف ٢ أرواح سفاي مليهت كفدان مك مليهتله اي كفدان مك ستڠه مريكئيت مليهت
كفالاث مك جديله أي خليفه دان سلطان انتارا الخلوق دان ستڠه مريكئيت أورڠ يغ مليهت كنڠث مك جديله مريكئيت أمير يغ
عادل دان ستڠه مريكئيت مليهت دوا متاث مك جديله أي حافظ كلام الله تعالى دان ستڠه مريكئيت مليهت دوا بولو ميسوث مك جديله
توكڠ اوكير دان أون دان ستڠه مريكئيت مليهت دوا تليڠاث مك جديله اي مستمعا منذرا ومقبلا دان برهساف دان ستڠه
مريكئيت مليهت دوا فيفيث مك جديله اي محسنا بايك دان برعقل دان ستڠه مريكئيت مليهت دوا بيبيرث مك جديله اي وزير دان
ستڠه مريكئيت مليهت هيدوڠث مك جديله اي حكيم دان طبيب دان عطار دان ستڠه مريكئيت مليهت مولوتث مك جديله اي بايق
فولس دان ستڠه مريكئيت مليهت ݢيݢيث مك جديله اي ايلق موكاث درفد لاك ٢ دان فرمفون دان ستڠه مريكئيت مليهت
ليهرث مك جديله أي فوره انتار سكل سلطان دان ستڠه مريكئيت مليهت حلقومث مك جديله واعظ يغ مماجر أورڠ دان
أورڠ يغ منصيحتكن أورڠ دان توكڠ أذان دان ستڠه مريكئيت مليهت اكن جڠݢوتث مك جديله أي مجاهد فرڠ سبيل الله
دان ستڠه مريكئيت مليهت تڠكوقث مك جديله تاجر سوداݢر دان ستڠه مريكئيت مليهت دوا لڠنث مك جديله أي فارس توكڠ نايك
كودا دان سيافا توكڠ فدڠ يعني توكڠ بونه راج ٢ دان ستڠه مريكئيت مليهت لڠن كانن مك جديله توكڠ بكم دان ستڠه
مريكئيت مليهت لڠن كيري مك جديله أي جاهل دان ستڠه مريكئيت مليهت تاڠن كانن مك جديله توكڠ توكر دويت دان جدي
توكڠ كروڠ باجو دان ستڠه مريكئيت مليهت تافق تاڠن كيري مك جديله توكڠ سوكت برس اتو كندوم دان ستڠه مريكئيت مليهت
دوا تاڠنث مك جديله موره دان جرديق دان ستڠه مريكئيت مليهت بلاكڠ تاڠن كيري مك جديله أي بخيل دان ستڠه مريكئيت

مليهت بلا كڤغ تاڠنڽ كانن مك جديله اي توكڠ ماسق دان سنتيас مريكئت مليهت روس جاري كيري مك جديله اي توكڠ سوزة دان سنتيس مريكئت مليهت انق جاري كانن مك جديله اي توكڠ جايت دان سنتيس مريكئت مليهت انق جاري كيري مك جديله اي توكڠ بسي دان سنتيس مريكئت مليهت دداڽ مك جديله اي عالم دان مكرم دان مجتهد دان سنتيس مريكئت مليهت بلاكڠڽ مك جديله متواضع دان طاعة بك فكرجاءن شرع دان سنتيس مريكئت مليهت دوا لمبڠڽ مك جديله غازي برڤرڠ دان سنتيس مريكئت مليهت ڤرتڽ مك جديله قانع دان زاهد دان سنتيس مريكئت مليهت دوا لوتڽ مك جديله راكع ساجدا باڬي سمبهيڠ دان سنتيس مريكئت مليهت دوا كاكيڽ مك جديله اي توكڠ بربورو دان سنتيس مريكئت مليهت دباوه كاكيڽ مك جديله توكڠ قوة بربجالن دان سنتيس مريكئت مليهت بايڠ ٢ ڽ مك جديله توكڠ باڤي دان توكڠ ڬنداڠ دان سنتيس مريكئت تياد مليهت درڤد ان سوات مك اداله يهودي اتو نصراني اتو كافر مجوسي دان سنتيس مريكئت تياد مليهت درڤدان سوات مك جديله مندعوابك كتهوهانڽ سفرة فرعون دان لاينڽ درڤد كفار (كنهوي اوله مو) بهوسڽ الله تعالى ميوره اكن سكل مخلوق دڠن سمبهيڠ انس روف نما احمد دان محمد مك بردبري اية سفرة الف دان ركوع ايت سفرة حاء دان سجود ايت سفرة ميم دان دودق اية سفرة دال دان منجديكن سكل مخلوق ايت انس روف نما محمد عليه السلام مك كفلاڽ بولت سفرة ميم يڠ فرتام دان دوا تاڠنڽ سفرة حاء دان فرتڽ سفرة ميم يڠ كدوا دان دوا كاكي سفرة دال دان تياد دباكرسوڠ كافر انس روفاڽ تتاڤي دتوكركن روفاڽ انس روفا بابي كمدين بلرود باكر دڠن اڤي

## ﴿الباب الثاني في خلق آدم﴾

برمول باب يڠ كدوا فد مڽتاكن كجدين آدم تله بركات سيدنا عبدالله بن عباس رضي الله عنهما تله منجدي الله تعالى اكن جسد آدم عليه السلام درڤد سكل اقليم دنيا مك كفلاڽ درڤد تانه كعبة الله دان دداڽ درڤد اقطار بومي دان بلاكڠڽ دان فروتڽ درڤد تانه هندي دان دوا تاڠنڽ درڤد تانه مشرق دان دوا كاكيڽ درڤد تانه مغرب (دان) فد رواية يڠ لاين تله بركات وهب بن منبه تله منجدي الله تعالى اكن آدم عليه السلام درڤد سكل بومي يڠ توجه مك كفلاڽ درڤد بومي يڠ فرتام دان ليهرڽ درڤد بومي يڠ كدوا دان دداڽ درڤد بومي يڠ كتيك دان دوا تاڠنڽ درڤد بومي يڠ كامفت دان بلاكڠڽ دان فرتڽ درڤد بومي يڠ كليم دان ڤڠكڠڽ دان فهاڽ درڤد بومي يڠ كانم دان دوا بتيسڽ درڤد بومي يڠ كتوجه دان فد سنات رواية يڠ لاين تله بركات سيدنا عبدالله بن عباس رضي الله عنهما تله منجادي الله تعالى اكن آدم عليه السلام مك كفلاڽ درڤد تانه بيت المقدس دان موكاڽ درڤد تانه شرڬ دان دوا تليڠاڽ درڤد تانه طور سيناء دان كنڠڽ درڤد تانه عراق دان كيڠيڽ درڤد تانه الكوثر دان تاڠنڽ كانن سرت انق جاريڽ درڤد تانه كعبه دان تاڠن كيريڽ درڤد تانه فارس دان دوكاكيڽ سرت بتيسڽ درڤد تانه هندي دان تولڠڽ درڤد تانه جبل دان عورتڽ درڤد تانه بابل دان بلاكڠڽ درڤد تانه عراق دان فرتڽ درڤد تانه خراسان دان هاتيڽ درڤد تانه فردوس دان ليهرڽ درڤد تانه طائف دان دوا ماتاڽ درڤد تانه حوض دان تتكال اداله كفلاڽ درڤد بيت المقدس جديله اي تمفت عقل دان جردق دان برتوتور دان تتكال اداله دوتليڠاڽ درڤد تانه طور سيناء جديله اي تمفت مندڠر اكن نصيحة دان تتكال اداله كنڠ ايت درڤد تانه عراق جديله اي تمفت سجود بك الله تعالى دان تتكال اداله موكاڽ درڤد تانه جنة جديله اي تمفت ايلق دان فرياسن دان تتكال اداله كيڠيڽ درڤد الكوثر جديله اي تمفت مانس دان تتكال اداله تاڠنڽ كانن درڤد كعبة جديله اي تمفت بركة دان فتولڠ فد كهيدوڤن دان مورة دان تتكال اداله تاڠنڽ كيري درڤد فارس جديله اي تمفت طهارة دان استنجاء دان تتكال اداله فروتڽ درڤد تانه خراسان جديله اي تمفت لافر دان تتكال اداله عورتڽ درڤد تانه بابل جديله اي تمفت شهوة دان دڠكي دان تيفو دايا دان تتكال اداله تولڠڽ درڤد جبل جديله اي كرس دان تتكال اداله هاتيڽ درڤد الفردوس جديله اي تمفت ايمان دان تتكال اداله ليهرڽ ايت درڤد طائف جديله اي تمفت شهادة دان تضرع دان دعا كفد الله تعالى دان تله منجديكن فداڽ سمبيلن باب توجه فد كفلاڽ دوا ماتاڽ دان دوتليڠاڽ دان دوا لوبڠ هيدوڠڽ دان مولوتڽ دان درڤد بدنڽ قبلڽ دان دبرڽ دان تله منجدي بكيڽ حولس يڠ ليم ففليهت فد مناداڽ فند ڠر فد تليڠا دان فراسا فد مولوت دان فنجابت فد تاڠن دان

## i. Hadith Jabir Di Dalam Kitab *Risalah Tasawuf*

مك أول٢ تيمبول دان كلواردرفد ساتو صفة أفعال الله تفالى يعهاروس باكيث إيت اياله حقيقة محمديه ، اياله سباكى أصل مخلوق دان بنيهث دان سكلين مخلوق يعلاين درفداث ايت سباكى فروعث جوا اتو فروع باكي فروعث اتو فروع باكي فروع دمكينله هعك ببرأف يعدكهندقكى الله تعالى سباكيمان ماشارة اكندى اوليه سيدنا جابر رضى الله عنه بركات اى :

سألت النبى صلى الله عليه وسلم عن اول شيئ خلقه الله فقال : هو نور نبيك يا جابر فخلقه الله ثم خلق فيه كل خير ثم خلق بعده كل شيئ وحين خلقه اقامه قدامه في مقام القرب اثنى عشر سنة ثم جعله اربعة اقسام فخلق العرش من قسم والكرسى من قسم وحملة العرش وخزنة الكرسى من قسم واقام القسم الرابع فى مقام الحب اثنى عشر الف سنة ثم جعله اربعة اقسام فخلق القلم من قسم واللوح من قسم والجنة من قسم واقام القسم الرابع فى مقام الخوف اثنى عشر الف سنة ثم جعله اربعة اجزاء فخلق الملائكة من جزء وخلق الشمس من جزء وخلق القمر والكواكب من جزء واقام الجزء الرابع في مقام الرجاء اثنى عشر الف سنة ثم جعله اربعة اجزاء فخلق العقل من جزء والعلم والحلم من جزء والتوفيق من جزء واقام الجزء الرابع في مقام الحياء اثنى عشر الف سنة ثم نظر اليه فرشح النور عرقا فقطرت منه مائة الف وعشرون الفا واربعة الاف قطرة من النورفخلق الله من كل قطرة روح نبى او رسول ثم تنفست ارواح الانبياء فخلق الله من انفاسهم الأولياء والسعداء والشهداء والمطيعين من المؤمنين إلى يوم القيامة فالعرش

والكرسى من نورى والجنة وما فيها من النعيم من نورى وملائكة السبع السموات من نورى والروحانيون من الملائكة من نورى والشمس والقمر الكواكب من نورى العلم والحلم التوفيق من نورى وارواح الرسلى والانبياء من نورى والشهداء والصالحون من نتائج نورى ثم خلق اثنى عشر الف حجاب فأقام نورى وهو الجزء الرابع فى كل حجاب الف سنة وهى حجب الكرامة والسعادة والهيبة والرحمة والرأفة والعلم والحلم والوقار والسكينة والصبر واليقين والصدق فعبد الله ذلك النورفى كل حجاب الف سنة فلما خرج النور من الحجب زكاه الله فى الارض فكان يضئ منها ما بين المشرق والمغرب كالسراج فى الليل المظلم ثم خلق الله تعالى آدم من الارض فركب فيه من جبيبه ثم انتقل الى شيت وكان ينتقل من طاهر الى طاهر ومن طيب الى طيب حتى نقله الله تعالى الى صلب عبدالله بن عبد المطلب ومنه الى رحم امى امنة ثم اخرجنى الى الدنيا فجعلنى سيد المرسلين وخاتم النبيين ورحمة للعالمين هكذا كان بدء خلق نبيك يا جابر .

ارتيث : تاث اكو اكن نبى صلى الله عليه وسلم درفد اول٢ سوأت يعمجدى اكن دى اوليه الله تعالى ، مك سبدا اى اياله نور نبى اعكو هى جابرمجدى اكندى اوليه الله تعالى ، كمدين مجدى اى فداث اكن تيف٢ كبجيكن ، كمدين مجدى اى كمدين درفداث اكن تيف٢ سواءت، دان كتيك مجدي اى اكن اى ايت منديري أي اكندى دهدافنث فد مقام همفيران دوا بلس ريبو تاهن ، كمدين مجدي اى اكندى امفة بهاكين ، مك مجدى اى اكن عرش درفد سبهاكين دان اكن كرسى درفد سبهاكين دان اكن سكل ملائكة يع منوعكوع كرسى درفد سبهاكين ، دان منديرى اى اكن بهاكين يعكأمفة فد مقام ككاسيهن دوا بلس ريبو تاهن ، كمدين مجدى اى اكندى امفة بهاكين ، مك مجدى اى اكن قلم درفد سبهاكين دان اكن لوح درفد سبهاكين ، دان اكن شرك درفد سبهاكين ، دان منديرى اى اكن بهاكين

يعكأمفة فد مقام تاكوة دوا بلس ريبو تاهن كمدين مجدى اى اكندى امفة جزوء ، مك كجدى اى اكن ملائكة درفد سواءت جزء دان مجدى اى اكن متهارى درفد سواءت جزء دان مجدى اى اكن بولن دان سكل بينتع درفد سواءت جزء ، دان منديرى اى اكن جزء يعكأمفة فد مقام هراف دوا بلس ريبو تاهن كمدين مجدى اى اكن دى امفة جزء ، مك مجدى اى اكن عقل درفد سواءت جزء دان اكن علم دان لمه لمبوة درفد سواءت جزء دان اكن توفيق درفد سواءت جزء ، دان منديري اكن جزء يعكأمغة فد مقام مالو دوا بلس ريبو تاهن ، كمدين تيليك اى كفداث مك مرحيك اوليه نور ايت اكن فلوه مك برتيتيق درفداث اوليه سراتوس ريبو دان دوا فوله ريبو دان امفة ريبو تيتيق درفد نور ، مك نجدى الله درفد تيف٢ تيتيق ايت اكن روح سئورع نبى اتو سئورع رسول ، كمدين برنفس اوليه سكل اورعيع برتواه دان اكن سكل اورعيع ماتى شهيد دان اكن سكل اورعيع طاعة درفد سكل اورعيع مؤمنين هيعك هارى قيامة ، مك عرش دان كرسى ايت درفد نور اكو ، دان شرك دان برعيع فداث درفد نعمة ايت درفد نور اكو ، دان ملائكة توجه لاعية ايت درفد نور اكو، دان سكلا ملائكة روحانيون ايت درفد نور اكو، دان متهارى دان بولن دان سكلا بينتع ايت درفد نور اكو، دان علم دان لمه لمبوت دان توفيق ايت درفد نور اكو، دان سكلا روح رسول٢ دان نبى٢ ايت درفد نور اكو، دان سكلا اورعيع ماتى شهيد دان سكلا اورعيع صالح ايت درفد سكلا فائدة نور اكو، كمدين مجدى اى اكن دوا بلس ريبو ديندبع مك منديرى اى اكن نور اكو دان اياله جزء يعكأمفة ايت فد تيف٢ ديندبع ايت سريبو تاهون . دان اياله سكلا ديندبع كرامة دان برتواه دان هيبة دان رحمة دان لمه لمبوة دان علم دان لمه لمبوة دان كتتفن دان صبر دان يقين دان بنر. مك معبادة اكن الله تعالى اوليه يعدمكين ايت نور فد تيف٢ ديندبع ايت سريبو تاهن. مك تتكلا كلوار نور ايت درفد سكلا ديندبع ايت نسحاىاكندى اوليه الله تعالى فد بومى مك اداله اى

محره درفدث اكن بارعيع انتارا تتايك (اره متهارى نائك – فنوليس) دان تجاتوه (اره متهارى جاتوه – فنوليس) سفرت فليت فد مالم يعكلم ، كمدين مجدي الله تعالى اكن نبى ادم درفد بومي مك ميوسون اى فدث درفد نور ايت فد فليفيسنث كمدين برفينداه اى كفد نبى شيث. دان اداله اى برفينداه اى درفد يعسوحى كفد يعسوحى دان درفد يعباكوس كفد يعباكوس هيعك ممينداه اكندى اوليه الله تعالى كفد صلب عبدالله بن عبدالمطلب دان درفدث كفد رحيم بوندا اكو امنه. كمدين معلوار اى اكنداكو كفد دنيا مك مجدى اى اكنداكو فعهولو سكلا رسول دان فيوداهى سكلا نبى دان رحمة باكى سكلين عالم.

بكيتوله اداله مولائى جدى نبى اعكو هى جابر.

### Terjemahan Hadith Saiyidina Jabir r.a.

Tanya aku akan Nabi S.A.W. daripada awal-awal suatu yang menjadi akan dia Allah Taata,"Maka sabda ia ialah nur Nabi engkau, hai Jabir menjadi akan dia oleh Allah Taala". Kemudian menjadi ia kemudian daripadanya akan tiap-tiap kebajikan. "Kemudian menjadi ia kemudian daripadanya akan tiap-tiap sesuatu". Dan ketika menjadi ia akan dia itu mendiri ia akan dia di hadapannya pada maqam hampiran dua belas ribu tahun.

Kemudian menjadi ia akan dia empat bahagian. Maka menjadi ia akan arasy daripada sebahagian dan akan segala malaikat, yang menanggung arasy dan segala malaikat yang menunggu kursi daripada sebahagian. " Dan mendiri ia akan bahagian yang keempat pada maqam kekasih dua belas ribu tahun". Kemudian menjadi ia akan dia empat bahagian. Maka menjadi ia akan qalam daripada sebahagian dan akan jauh daripada sebahagian dan akan syurga daripada sebahagian. Dan mendiri ia akan bahagian, yang keempat pada maqam takut dua belas ribu tahun, kemudian menjadi ia akan empat juzuk". Maka menjadi ia akan malaikat daripada suatu juzuk dan menjadi ia akan matahari daripada suatu juzuk dan menjadi ia akan bulan dan segala bintang daripada suatu juzuk". Dan mendiri ia akan juzuk, yang keempat pada maqam harap dua belas ribu tahun, kemudian menjadi ia akan dia empat juzuk".

Maka menjadi ia akan akal daripada suatu juzuk dan akan ilmu dan lemah-lembut daripada suatu juzuk dan akan taufik daripada suatu juzuk. Dan mendiri ia akan juzuk yang keempat pada maqam malu dua belas ribu tahun. Kemudian tilik ia kepadanya, maka mercik oleh nur itu akan peluh, maka bertitik daripadanya seratus ribu dan dua puluh ribu dan empat ribu titik dari nur. Maka menjadi Allah daripada tiap-tiap titik itu akan roh seorang nabi atau seorang rasul. Kemudian bernafas oleh segala roh nabi-nabi itu, maka menjadi Allah Taala daripada segala nafas mereka itu akan segala wali dan akan segala orang yang bertuah dan akan segala yang mati syahid dan akan segala orang yang taat daripada segala orang yang mukmin hingga hari kiamat.

Maka arasy dan kursi itu daripada nur aku. Dan syurga dan barang yang ada padanya daripada nikmat itu daripada nur aku. Dan malaikat tujuh langit itu daripada nur aku. Dan segala malaikat ruhaniyyun itu daripada nur aku. Dan matahari dan bulan dan segala bintang itu daripada nur aku. Dan ilmu dan lemah-lembut dan taufik itu daripada nur aku. Dan segala roh rasul-rasul dan nabi-nabi itu daripada nur aku. Dan segala orang yang mati syahid dan segala orang yang soleh itu daripada segala faedah nur aku. Kemudian menjadi ia akan dua belas ribu dinding , maka mendiri ia akan nur aku dan ialah juzuk yang keempat itu pada tiap-tiap dinding itu seribu tahun. Dan ialah segala dinding keramat dan bertuah dan hebat dan rahmat dan lemah-lembut dan ilmu dan ketetapan dan sabar dan yakin dan benar. Maka mengibadat akan Allah Ta'ala oleh yang demikian itu nur pada tiap-tiap dinding itu seribu tahun. Maka tatkala keluar nur itu daripada segala dinding itu, nescaya menyuci akan dia oleh Allah Ta'ala pada bumi, maka adalah ia mencerah daripadanya akan barang yang antara ternaik dan terjatuh, seperti pelita pada malam yang kelam.

Kemudian menjadi Allah Ta'ala akan Nabi Adam daripada bumi, maka menyusun ia padanya daripada nur itu pada pelipisannya, kemudian berpindah ia kepada Nabi Shith. Dan adalah ia berpindah ia daripada yang suci kepada yang suci dan daripada yang bagus kepada yang bagus. Hingga memindah akan dia oleh Allah Taala kepada sulbi Abdullah bin Abdul Mutallib dan daripadanya kepada rahim bonda aku Aminah. Kemudian mengeluar ia akan daku kepada dunia, maka menjadi ia akan daku penghulu segala rasul dan penyudahan segala nabi dan rahmat bagi sekalian alam. Begitulah adalah mulai jadi nabi engkau, hai Jabir.'

**ii – Hadith Jabir di dalam kitab *Kasyf al-Khafā'. Hadith no 287.***

أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر الحديث رواه عبدالرزاق بسنده عن جابر بن عبدالله بلفظ قال قلت يا رسول الله بأبي أنت وأمي أخبرني عن أول شيء خلقه الله قبل الاشياء قال جابر ان الله تعالى خلق قبل الأشياء نور نبيك من نوره فجعل ذلك النور يدور بالقدرة حيث شاء الله ولم يكن في ذلك الوقت لوح ولا قلم ولا جنة ولا نار ولا ملك ولا سماء ولا أرض ولا شمس ولا قمر ولا جني ولا إنسي فلما أراد أن أصحهما الخلق قسم ذلك النور أربعة أجزاء فخلق من الجزء الأول القلم ومن الثاني اللوح ومن الثالث العرش ثم قسم الجزء الرابع أربعة أجزاء فخلق من الجزء الأول حملة العرش ومن الثاني الكرسي ومن الثالث باقي الملائكة ثم قسم الجزء الرابع أربعة أجزاء فخلق من الأول السموات ومن الثاني الأرضين ومن الثالث الجنة والنار ثم قسم الرابع أربعة أجزاء فخلق من الأول نور أبصار المؤمنين ومن الثاني نور قلوبهم وهي المعرفة بالله ومن الثالث نور انسهم وهو التوحيد لا إله إلا الله محمد رسول الله الحديث .

كذا في المواهب وقال فيها أيضا واختلف هل القلم أول المخلوقات بعد النور المحمدي أم لا فقال الحافظ أبو يعلى الهمداني الأصح أن العرش قبل القلم لما ثبت في الصحيح عن ابن عمر قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم قدر الله مقادير الخلق قبل أن أصحهما السموات والأرض بخمسين ألف سنة وكان عرشه على الماء فهذا صريح في أن التقدير وقع بعد خلق العرش والتقدير وقع ثم أول خلق القلم .

## LAMPIRAN E

### *Kasyf al-Ghaybiyyah*

**Kejadian Rob al-A'zam iaitulah Nur Saidina Muhammad S.A.W. (Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, h. 3-6).**

Bermula bab yang pertama pada menyatakan kejadian Rob al-A'zam iaitu nur penghulu kita dan nabi kita Muhammad S.A.W. Sungguhnya telah datang pada khabar oleh bahawasanya Allah Ta'ala telah menjadi Dia akan satu pohon kayu baginya empat dahan, Maka menamai dia akan *Syajaratul Mutaqqin* dan pada setengah riwayat *Syajaratul Yakin*. Kemudian telah menjadi Dia akan Nur Muhammad di dalam hijab daripada permata yang sangat putih serupa burung merak dan dihantarkan Dia akan ia atas demikian pokok kayu itu. Maka mengucap tasbihlah oleh nur itu atas pokok kayu itu kadar tujuh puluh ribu tahun kemudian menjadi akan "cermin kemaluan'.

Maka dihantarkan akan dia dengan berhadapannya maka tatkala menilik oleh merak itu di dalam cermin itu, melihat ia akan rupanya terlebih elok rupa dan terlebih perhiasan kelakuan maka malu ia daripada Allah Ta'ala maka berpeluh ia maka titik daripadanya enam titik. Maka menjadi oleh Allah Ta'ala daripada titik yang pertama akan roh Abu Bakar r.a. dan daripada tititk yang kedua akan roh Umar r.a. dan daripada titik yang keriga roh Uthman r.a. dan daripada titik yang keempat roh Ali r.a. dan daripada ritik yang kelima itu akan pokok bunga mawar dan daripada titik yang keenam itu akan padi.

Kemudian sujudlah oleh demikian Nur Muhammad itu lima kali maka jadilah atas kita akan demikian sujud itu fardhu yang diwaktukan. Maka difardhu oleh Allah Ta'ala lima sembahyang atas Nabi Muhammad dan umatnya. Kemudian menilik Allah Ta'ala kepada demikian nur itu pada kali yang lain pula. Maka berpeluh ia kerana malu ia daripada Allah Ta'ala. Maka daripada peluh hidungnya menjadi oleh Allah Ta'ala akan malaikat. Dan daripada peluh mukanya dijadikan Allah Ta'ala akan arasy dan kursi dan luh dan qalam dan matahari dan bulan dan hijab dan segala bintang dan barang-barang suatu yang ada pada langit seperti *dal*. Dan tiada dibakar akan seorang daripada segala kufar atas rupanya tetapi digantikan rupa mereka itu atas rupa babi kemudian dibakarkan akan dia dengan api neraka. Ketahui olehmu hai segala orang yang beriman sungguhnya adalah hak

Subhanahu wa Ta'ala pada azali esa dengan zatNya dan lengkap Ia dengan segala sifatNya tiada suatu juapun sertaNya daripada segala makhlukNya seperti sabda Nabi S.A.W. كان الله ولا شيء معه Ertinya : Adalah Allah Taala dan tiada suatu sertaNya. Maka tatkala dikehendak Allah Subhanahu wa Ta'ala menyatakan segala ajaibNya dan menjadikan segala gharaibNya seperti firman Allah Ta'ala di dalam hadith qudsi:

كنت كنزا مخفيا فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق لأعرف

Ertinya : Adalah aku perbendaharaan yang tersembunyi maka Aku kehendak akan diperkenalkan Daku maka Aku jadikan segala makhluk supaya dikenalnya akan Daku. Maka yang pertama-tama dijadikan hak Allah Ta'ala daripada segala makhluk itu Nur Muhammad S.A.W. daripada tiada kepada ada seperti sabda Nabi :

أول ما خلق الله تعالى نورى وفى رواية روحى

Ertinya yang awal-awal barang yang suatu dijadikan Allah Ta'ala itu nurku dan satu riwayat rohku. Maka adalah sekalian alam ini dijadikan Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada sebab Nur Muhammad S.A.W. seperti yang telah tersebut dahulu jua ceritanya kerana firman Allah Ta'ala di dalam hadith qudsi :

خلقت الأشياء لأجلك وخلقتك لأجلى

Ertinya : Aku jadikan segala perkara itu kerana engkau ya Muhammad. Dan Aku jadikan akan dikau itu kerana Aku yakni dijadikan Nur Muhammad itu dengan tiada wasithah suatu juapun.[4]

Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan belakang tangannya yang kanan maka jadilah ia tukang masak. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan segala ruas anak jarinya yang kiri maka jadilah ia jurutulis. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan segala anak jarinya yang kanan maka jadilah ia tukang menjahit. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan segala anak jarinya yang kiri maka jadilah ia tukang besi. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dadanya maka jadilah ia alim dan mulia dan *mujtahid*. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan belakangnya maka jadilah ia *tawadhu*[1] dan berbuat taat bagi pekerjaan syara'. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua lambungnya maka jadilah ia berperang sabil. Dan setengah daripada

mereka itu orang yang melihat ia akan perutnya maka jadilah ia *qana'ah* dan *zahid.* Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua lututnya maka jadilah ia akan orang yang rukuk dan orang yang sujud. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua kakinya .maka jadilah ia tahu berburu. Dan setengah daripada mereka iru orang yang melihat ia akan bawah dua tapak kakinya maka Jadilah ia orang perjalanan. Dan setengah daripada mereka iru orang yang melihat ia akan bayang-bayangnya maka jadilah ia akan tukang nyanyi dan orang yang bermain gendang. Dan setengah daripada mereka itu orang yang tiada melihat ia daripadanya akan suatu maka jadilah ia Yahudi dan Nasrani atau kafir musyrik atau Majusi. Dan setengah daripada mereka itu orang yang tiada menilik ia daripadanya akan suatu, maka jadilah ia mendakwa bagi ketuhanan seperti Firaun dan lain daripadanya daripada segala kuffar. Ketahui olehmu bahawasanya Allah Ta'ala menyuruh la akan segala makhluk akan sembahyang atas rupa nama Ahmad dan Muhammad. Maka berdiri iaitu uimpama rupa *alif* dan rukuk itu seperri *ha'* dan sujud itu seperti *mim* dan duduk itu seperti *dal.* Dan menjadi akan makhluk atas rupa nama Muhammad S.A.W. Maka kepalanya bulat seperri *mim* yang pertama dan dua tangan itu seperti *ha'* dan perut itu sepern *mim* yang kedua dan dua kaki. Maka setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan kepalanya maka jadilah ia khalifah dan sultan antara segala makhluk. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dahinya maka jadilah ia amir yang adil. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua matanya maka jadilah ia *hafiz* bagi kalam Allah Taala. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua keningnya maka jadilah ia akan tukang lukis. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua telinganya maka jadilah ia menuntut dengar dan menerima. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua pipinya maka jadilah ia berbuat baik dan berakal. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua bibir mulutnya maka jadilah ia orang besar raja-raja. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan hidungnya maka jadilah ia hakim dan *tabib* dan berjual bau-bauan. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan mulutnya maka jadilah orang yang berpuasa. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan kakinya maka jadilah ia elok mukanya daripada laki-laki dan perempuan. Dan setengah daripadanya orang yang melihat ia akan lidahnya maka jadilah ia rasul akan segala raja-raja. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan halkumnya maka jadilah ia akan *wa 'iz* dan yang menasihatkan dan tukang

bang. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan janggutnya maka jadilah ia berperang sabil Allah.

Dan setengah daripada mereka iru orang yang melihat ia akan tengkuknya maka Jadi ia akan saudagar. Dan setengah daripada mereka itu mereka yang melihat ia akan dua lengannya maka jadilah ia pandai berkuda dan bermain-main pedang. Dan setengah daripada mereka iru orang yang melihat ia akan lengannya yang kanan maka jadilah ia tukang bekam. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan tapak tangannya yang kanan maka jadilah ia orang yang berjual emas dan perak dan tukang sukat. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan tapak tangannya yang kiri maka jadilah ia orang yang pandai menyukat. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan dua tangannya maka jadilah ia pemurah dan kepujian. Dan setengah daripada mereka itu orang yang melihat ia akan belakang tapak tangannya yang kiri maka jadilah ia bakhil. Dan daripada peluh dadanya dijadikan Allah akan sekalian *anbiya'* dan *mursalin* dan segala *ulama* dan *syuhada'* dan *solihin*. Dan daripada peluh belakangnya dijadikan Allah Ta'ala akan Baitul Makmur dan Kaabah dan Baitul Maqdis dan segala tempat masjid di dalam dunia. Dan daripada peluh dua keningnya itu dijadikan Allah Ta'ala akan umat Muhammad daripada segala *mukmin* laki-laki dan *mukminat* yang perempuan. Dan daripada peluh dua telinganya itu dijadikan Allah Ta'ala akan segala arwah orang Yahudi dan Nasrani dan Majusi dan barang yang menyerupai akan yang demikian itu daripada segala orang yang *mulhidin dan jahidin* dan *munqfiqin*. Dan daripada peluh dua kakinya dijadikan Allah Ta'ala akan segala bumi daripada *masyriq* hingga kepada *maghrib* dan barang yang di dalamnya. Kemudian firman Allah Ta'ala bagi demikian nur itu : tilik olehmu pada hadapan engkau wahai Nur Muhammad, maka menilik ia, maka tiba-tiba melihat ia pada hadapannya nur dan daripada belakangnya nur dan daripada pihak kanannya nur dan daripada pihak kirinya nur. Bermula mereka itu Abu bakar dan Umar dan Uthman dan Ali r.a. Kemudian mcngucap tasbih oleh demikian nur itu 70 000 tahun kemudian dijadikan Allah Ta'ala akan nur *al-anbiya'* daripada Nur Muhammad S.A.W. Kemudian menilik oleh Allah Taala pada demikian nur itu maka dijadikan Allah daripadanya akan segala arwah mereka itu yakni dijadikan *anbiya'* dan pada peluh arwah *anbiya'* mereka itu yakni arwah tiap-tiap umat dijadikan daripada peluh roh nabinya dan dijadikan roh sekalian orang yang mukminin daripada umat Muhammad itu daripada peluh Nabi Muhammad S.A.W. Maka berkata sekalian mereka itu لا إله إلا الله Kemudian dijadikan Allah akan

*qandil* daripada akik yang merah, dilihat orang akan zahirnya itu daripada batinnya. Kemudian dijadikan rupa Muhammad itu seperti rupanya yang di dalam dunia ini kemudian dihantarkan akan dia di dalam *qindil* itu maka berdirilah ia di dalam *qindil* itu seperti bcrdirinya di dalam sembahyang. Kemudian berkelilinglah segala *arwah anbiya'* dan lainnya pada keliling *qindil* Nur Muhammad S.A.W. itu, maka mengucap tasbihlah mereka itu dan mengucap tahlillah mereka itu pada 100 000 tahun. Kemudian menyuruh Allah Ta'ala akan tiap-tiap roh itu hendak meniliklah oleh mereka itu kepadanya. Maka meniliklah mereka itu kepadanya.

**Kertas soal selidik ini adalah untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**

TAJUK PENYELIDIKAN

***Nur Muhammad :***
***Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam Di Negeri Kelantan.***

## HURAIAN RINGKAS NUR MUHAMMAD

Nur Muhammad merupakan suatu konsep /doktrin / kepercayaan bahawa ianya adalah kejadian / makhluk pertama yang dijadikan Allah S.W.T sebelum kejadian nabi Adam alaihissalam. Semua makhluk, termasuk para Malaikat, para Nabi dan umat manusia dijadikan daripada Nur Muhammad. Walau bagaimanapun, doktrin ini hanya diterima dan masyhur bagi kalangan umat Islam dari golongan tertentu sahaja.

**Bahagian A : Biodata**

Lengkapkan maklumat di bawah dan tandakan ( ) pada petak yang berkenaan sahaja.

1. Jantina : ☐ Lelaki ☐ Perempuan

2. Umur. ☐ 15 –20 Tahun ☐ 21 – 25 Tahun
☐ 26 – 30 Tahun ☐ 31 – 35 Tahun
☐ 36 – 40 Tahun ☐ 41 – 50 Tahun
☐ Lain-lain sila nyatakan…………………

3. Saya tinggal di dalam Jajahan

☐ Kota Bharu ☐ Bachok

☐ Pasir Puteh ☐ Pasir Mas

4. Pendidikan / Akademik **(Anda boleh menandakan lebih daripada satu, jika berkenaan.)**

☐ **Pondok** ☐ **Sek. Men. Arab / Ugama**

☐ Sek. Men. ☐ Universiti ( Pengajian Islam/Arab )

☐ Universiti ( Bukan Pengajian Islam).

5. Tempoh belajar di Pondok **( Jika pernah belajar di pondok ).**

☐ 1 - 4 tahun ☐ 5 - 8 tahun

☐ 8 - 10 tahun ☐ Lebih 10 tahun

6. Kerjaya

☐ Guru Agama ☐ Guru Akademik

☐ Guru di Pondok ☐ Masih belajar

☐ Lain-lain, sila nyatakan : ...................

**Bahagian B : Pegetahuan Tentang Islam.**

1. Apakah anda selalu membaca buku /majalah /rencana mengenai agama Islam?

☐ Ya. ☐ Tidak ☐ Kadang-kadang.

2. Apakah bidang / tajuk / skop yang paling anda minati. **Misalnya** : Akidah, tasawuf, hadith, fiqh atau lain-lain.

---------------------------------

3. Adakah anda membuat kajian dalam bidang tersebut.

☐ Ya. ☐ Tidak. ☐ Ada, tapi tidak mendalam.

4. Apakah analisis / penilaian yang anda dapati ?

------------------------------------------------------------------------------------------

------------------------------------------------------------------------------------------

------------------------------------------------------------------------------------------

4. Adakah anda mempunyai guru agama yang khusus, selain daripada guru-guru di sekolah atau kuliah.

☐ Ya. ☐ Tidak

6. Kalau ada, apakah pelajaran / ilmu yang anda pelajari daripadanya.

------------------------------------------------------------------------------------------

7. **(Jika berkaitan)** Apakah guru anda itu benar-benar mahir dalam bidang yang diajarinya?

☐ Ya ☐ Tidak ☐ Kurang mahir

8. Sila nyatakan dengan ringkas sahaja, latarbelakang pengajian guru anda serta pencapaiannya (sijil / ijazah) yang tertinggi setakat yang anda ketahui.

------------------------------------------------------------------------------------------

------------------------------------------------------------------------------------------

------------------------------------------------------------------------------------------

**Bahagian C : Nur Muhammad.**

**ARAHAN**

1. Sila baca dengan teliti tiap-tiap kenyataan di bawah.
2. Bulatkan nombor-nombor berkenaan mengikut skala seperti di bawah :

| | | |
|---|---|---|
| 5 | merujuk kepada | **AMAT SETUJU** |
| 4 | merujuk kepada | **SETUJU** |
| 3 | merujuk kepada | **KURANG SETUJU** |
| 2 | merujuk kepada | **TIDAK SETUJU** |
| 1 | merujuk kepada | **AMAT TIDAK SETUJU.** |
| 0 | merujuk kepada | **TIDAK TAHU** |

---

1. Setiap individu muslim wajib memelihara kesucian dan kebenaran Islam.

5 4 3 2 1 0

2. Sebarang kekeliruan dalam ajaran Islam mestilah dirujuk kepada al-Qur'an dan Hadith yang sahih.

5 4 3 2 1 0

3. Saya biasa mendengar tentang Nur Muhammad.

5 4 3 2 1 0

4. Saya mendapat maklumat tentang Nur Muhammad melalui cakap-cakap orang.

5 4 3 2 1 0

5. Saya mendapat maklumat Nur Muhammad melalui kitab/buku.

5 4 3 2 1 0

6. Sebenarnya tok guru pondok yang banyak mengajar tentang Nur Muhammad kepada saya.

5 4 3 2 1 0

7. Nur Muhammad adalah merupakan suatu persoalan akidah

5 4 3 2 1 0

8. Nur Muhammad merupakan satu aspek yang penting di dalam akidah Islam

5 4 3 2 1 0

9. Tidak berpegang kepada doktrin Nur Muhammad menunjukkan tahap akidah yang belum mantap.

5 4 3 2 1 0

10. Doktrin Nur Muhammad amat sukar untuk difahami.

5 4 3 2 1 0

11. Nur Muhammad adalah merupakan suatu persoalan tasawuf.

5 4 3 2 1 0

12. Untuk mengenal diri dan mengenal Allah, Nur Muhammad adalah penting difahami.

5 4 3 2 1 0

13. Nur Muhammad adalah makhluk pertama yang diciptakan Allah sebelum diciptakan sesuatu.

5 4 3 2 1 0

14. Nur Muhammad dijadikan daripada Nur Allah.

5 4 3 2 1 0

15. Nur Muhammad adalah Qadim ( sediakala), kerana ia terbit dari Allah yang Maha Qadim.

5 4 3 2 1 0

16. Hadith Nabi riwayat saiyidina Jabir merupakan antara dalil utama kepada pegangan ini.

5 4 3 2 1 0

17. Kesahihan sesuatu hadith tidak penting di dalam persoalan Nur Muhammad.

5 4 3 2 1 0

18. Sebahagian besar daripada hadith-hadith yang menjadi sandaran kepada Nur Muhammad adalah dha'if.

5 4 3 2 1 0

19. Nur Muhammad mempunyai kaitan yang rapat dengan fahaman wahdat al-wujud.

5 4 3 2 1 0

20. Saya percaya dan menyokong fahaman wahdat al-wujud.

5 4 3 2 1 0

21. Nur Muhammad adalah satu doktrin yang terkandung dalam tujuh tertib kejadian alam (Martabat Tujuh).

5 4 3 2 1 0

22. Nur Muhammad adalah satu teori falsafah yang menyimpang daripada

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

5 4 3 2 1 0

23. Teori Nur Muhammad adalah berasal dari fahaman syi'ah.

5 4 3 2 1 0

24. Setakat pengetahuan saya, aliran-aliran tarikat mempercayai doktrin Nur Muhammad.

5 4 3 2 1 0

25. Nur Muhammad tidak wajar dibincangkan secara terbuka kerana ianya tidak mampu difahami oleh orang awam.

5 4 3 2 1 0

26. Fahaman Nur Muhammad tidak menambahkan keimanan seseorang.

5 4 3 2 1 0

27. Fahaman Nur Muhammad tidak membantu agama mahupun meninggikannya.

5 4 3 2 1 0

28. Nur Muhammad adalah ajaran khurafat yang mesti dihapuskan.

5 4 3 2 1 0

29. Inilah kali pertama saya mendengar tentang Nur Muhammad.

5 4 3 2 1 0

30. Saya adalah seorang pengamal tarekat ...........................................
**( Sila isi jika berkenaan).**

**Ulasan / komentar / cadangan saya berkenaan kajian ini ialah :**

-----------------------------------------------------------------------------------------

-----------------------------------------------------------------------------------------

-----------------------------------------------------------------------------------------

-----------------------------------------------------------------------------------------.

Sekian, terima kasih.

Maruan Bin Mohd Yusoff
Kursus Ijazah Sarjana Usuluddin
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
A.P.I.U.M, Kuala Lumpur.
Hp: 019-9388 300.

LAMPIRAN G

# SURAT AKUAN PENYELIDIKAN

أكاديمية الدراسات الإسلامية
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
*Academy of Islamic Studies*


UNIVERSITI MALAYA
Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Timbalan Pengarah
(Bhg. Pengajian Syariah)
Fax: (603)-759 6022

Jabatan Syariah & Ekonomi
Tel: (603)-759 6006

Jabatan Fiqh & Usul
Tel: (603)-759 6011

Jabatan Syariah & Undang-undang
Tel: (603)-759 6003

Jabatan Syariah & Pengurusan
Tel: (603)-759 6013

Jabatan Siyasah Syar'iyyah
Tel: (603)-759 6006

Timbalan Pengarah
(Bhg. Pengajian Usuluddin)
Fax: (603)-759 6025

Jab. Al-Quran & Al-Hadith
Tel: (603)-759 6010

Jab. Akidah & Pemikiran Islam
Tel: (603)-759 6014
03-7967 6014

Jab. Sejarah & Tamadun Islam
Tel: (603)-759 6008

Jab. Dakwah & Pembangunan Insan
Tel: (603)-759 6009

Timbalan Pengarah
(Bhg. Pengajian Bersama)
Fax: (603)-759 6030


UM.I/UA/606/1
2 Mac 2001

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

**Nama: Maruan bin Mohd Yusoff**
**No. Pendaftaran: IGB 97027**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Maruan bin Mohd Yusoff adalah seorang pelajar peringkat sarjana di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau sedang membuat penyelidikan untuk menyiapkan disertasi sarjananya yang bertajuk ***"Nur Muhammad: Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam Di Negeri Kelantan".***

Diharap tuan dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada beliau dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**DR. CHE ZARRINA BINTI SA'ARI**
Ketua
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya.

s.k. Fail JAPI

Ai/surat akuan/hdA)